

KEDIAMAN BERCIRIKAN RESORT THE GLADES


KEHJAUAN PANORAMA ALAM DAN LAJUAN AIR YANG MENJADI CENTREPIECE PUSAT PERUMAHAN ELIT THE GLADES DI PUTRA HEIGHTS MENYAKSIKAN SEBUAH SUASANA SEMPURNA UNTUK MEMBINA KELUARGA. PROJEK HARTANAH MILIK PEMAJU TERSEHOP, SIME DARBY PROPERTY ITU SEMEMANGNYA MENGHIDUPKAN SEBUAH LOKASI BERPRESTIJ YANG TIADA TANDINGAN. KEHIDUPAN BERGAYA DALAM ATMOSFERA ALAM SEMUJA JADI ITU ANTARA TARIKAN DARIPADA LUARAN.

PENULIS: NORZALINA MOHD ALIAS PENYELARAS: AZNIZA AZIZ FOTO: AHMAD SHAHIR

Building - General

pg : 160-165





Melangkah ke salah sebuah kediaman contoh jenis rumah berkembar setinggi dua tingkat, The Encore, hati disalut rasa kagum. Bayu berdesir dan percikan air dari arah kolam renang yang berada di sisi rumah, menyuntik ketenangan tatkala penulis tiba ke sini. Sambil membiarkan mata bebas meninjau pemandangan landskap yang dijaga rapi, perhatian terusik dengan seni binanya yang moden. Inspirasi rekaan yang berasaskan hubungan kejiranan yang akrab menjadi tunjang kepada semua konsep perumahan di The Glades iaitu The Encore, The Residences (banglo), The Mews (townhouse) dan The Ensemble (superlink).

Sebaik pintu ditolak masuk, susun atur bercirikan moden kontemporari menyambut kunjungan penulis. Laluan lantai berjubin putih membawa ke ruang tamu yang terpisah dua dengan bahagian kiri menjadi lokasi santai termasuk menempatkan sebuah piano. Manakala ruang tamu utama di sebelah kanan dirias indah dengan langsir serta perabot mainan palet tanah sebagai dominasi berjalin motif jalur yang *chic*.

Menariknya tentang ruang indah ini, terdapat sebuah kolam air di sudut bersebelahan tangga ke aras satu. Buat penghuni yang menggemari elemen air di dalam rumah, mungkin idea untuk membela ikan koi dapat mewujudkan suasana harmoni dan dekat dengan alam semula jadi. Sambil melihat ikan-ikan berenang dan mendengar bunyi air berkocak perlahan, pasti berhasil meleraikan fikiran yang kusut tika pulang ke rumah.

Bergerak ke ruangan yang paling intim dengan wanita, konsep dapur terbuka yang digabungkan bersama ruang santapan menerbitkan suasana bahagia. Melangkaui imaginasi, dapat penulis bayangkan betapa seronoknya menyediakan masakan lazat sambil keluarga menunggu di meja makan. Aroma biskut yang dibakar atau lauk-pauk kegemaran mereka bertebaran ke serata dapur ini. Alangkah seronoknya! Ditambah dengan penataan kabinet dapur serba putih serta kaunter sarapan sedondon menjadikan ruang tampak lebih luas untuk masa-masa berkualiti dengan yang tersayang.


RUANG PERIBADI

Meneruskan tinjauan ke aras satu, rumah mewah yang memiliki empat bilik tidur itu di tatari dengan penuh cita rasa, namun tetap selesa. Di kamar tidur utama, juraian tirai hitam

mengelilingi katil menghembuskan suasana yang romantik. Jika diamati, penataan perabot yang ringkas menjadi kelebihan karya di ruangan paling peribadi ini, agar pemilik rumah dapat memanfaatkan seluruh waktu berehat dengan optimum.

Terdapat juga sebuah ruang persalinan tersendiri yang dilatari pintu-pintu almari putih susu dan sebuah kerusi ottoman berwarna merah. Kemas dan ringkas di sini, agar penghuni bisa memutuskan gaya terbaik untuk harinya. Konsep yang tidak serabut sememangnya menjadi ikon ruang *walk-in wardrobe* yang baik, selain menyediakan ruang ideal untuk simpanan koleksi beg tangan, sepatu, aksesori, barangan kemas atau sebagainya.

Beranjak ke kamar beradu yang lain, tiap satunya memiliki 'jiwa' tersendiri mengikut selera penghuni. Paling menarik, penulis dibawa menikmati pemandangan luar dari arah kamar-kamar di sini. Damai rasanya dapat meninjau pemandangan menghijau yang terbentang. Selain meredupkan suasana, fikiran juga dapat relaks apabila sampai ke dalam bilik. Beberapa elemen dekorasi tampak dihidupkan, antaranya gaya retro 70-an dengan bingkai aktris Marilyn Monroe di kepala katil, gaya feminin dengan mainan kertas dinding flora serta gaya





moden urban untuk penghuni yang menggemari ketenangan.

Sudut keluarga untuk menonton televisyen, bermain permainan video atau sekadar membaca novel kesukaan turut dihias dengan nuansa ceria. Eksperimen warna-warni yang ditampilkan berjaya menonjolkan sebuah ekspresi ruang yang lebih santai dan merehatkan. Satu perkara lagi yang menarik, seluruh lantai di aras satu ini menggunakan kayu sepenuhnya bagi mewujudkan sebuah suasana resort yang hebat.

PRASARANA

Residen dengan keluasan bermula dari 4,900 kaki persegi itu tetap mengekalkan privasinya yang tersendiri. Enklaf mewah ini juga menekankan konsep berpagar dan berpagawal sepenuhnya untuk keselamatan penghuni yang mendiami. The Glades di Putra Heights ini bukan sahaja menekankan ciri-ciri perumahan yang tersusun, malah turut ditawarkan pelbagai prasarana hebat buat komuniti yang menetap di dalamnya.

Selain kemudahan riadah seperti kamar yoga, pemilik kediaman di sini boleh berkunjung ke rumah kelab berhadapan tasik yang khusus untuk anda. Terdapat juga taman-taman terbuka di sekeliling kawasan perumahan, sama ada untuk berjoging atau sekadar menikmati kehijauan alam. Tarikan waterway di tengah The Glades, membuatkan kediaman-kediaman mewah di sekelilingnya tampak begitu mendamaikan. Paling utama, kehidupan hijau yang diperjuangkan sukar ditemukan di tempat lain.

The Glades juga merupakan sebuah pembangunan berorientasikan transit (*Transit Oriented Development* atau TOD), di mana ia berdekatan dengan terminal LRT Putra Heights yang sedang dalam pembinaan serta bakal siap tidak lama lagi (hanya 5 minit berjalan kaki). Konsep TOD ini nyata mencerminkan komitmen Sime Darby Property dalam menjalankan pembangunan bandar serta komuniti yang mampan, progresif, efisien dan mesra alam. ■